

MAJLIS MESYUARAT NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21 MAJLIS MESYUARAT NEGARA BAGI TAHUN 2025

PERINTAH HARIAN
RABU, 12 MAC 2025

PH10/01/2025

9:30 PAGI

1

1. MEMBACA DOA

2. PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

- i. **[PL127] Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin** meminta **MENTERI HAL EHWAL UGAMA** menyatakan jika Kementerian mempunyai perancangan untuk memastikan imam dan bilal dilengkapi dengan pengetahuan mengenai Peraturan Kewangan, kemampuan untuk berinteraksi secara efektif dengan jemaah, dan kemahiran asas pertolongan cemas.
- ii. **[PL128] Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin** meminta **MENTERI HAL EHWAL UGAMA** menyatakan jika Kementerian mempunyai perancangan untuk menangani isu prestasi mata pelajaran Al-Quran dan Amali Agama yang dirasakan agak membimbangkan terutamanya setelah sistem pengintegrasian diperkenalkan di sekolah-sekolah.
- iii. **[PL47] Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin** meminta **MENTERI HAL EHWAL UGAMA** menyatakan dasar yang perlu diperkenalkan untuk memastikan graduan tempatan berkelulusan agama dan berpengetahuan bahasa Arab yang belum dimanfaatkan sepenuhnya untuk dilatih dan diiktiraf sebagai mutawif dan pengiring. Ini memandangkan industri haji dan umrah Brunei semakin berkembang. Adakah dasar bagi mewajibkan ejen pelancongan menggunakan perkhidmatan terlatih dan bertauliah ini.
- iv. **[PL101] Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee** meminta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah-langkah konkrit yang boleh diambil oleh Kementerian Pendidikan untuk memperkukuhkan bimbingan kerjaya di peringkat sekolah rendah untuk memastikan

pelajar didedahkan kepada pelbagai tren pasaran kerja yang semakin berkembang sejak awal. Adakah Kementerian akan mempertimbangkan penyediaan bahan visual seperti video pendidikan dan infografik bagi meningkatkan kesedaran kerjaya.

- v. **[PL55] Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin** meminta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapakah jumlah guru CFBT yang masih berkhidmat kini dan apakah strategi keluar (*exit strategy*) yang dirancang oleh Kementerian memandangkan pengambilan guru-guru CFBT secara kontrak 'single-sourcing' telah berlangsung selama empat dekad dengan kos yang amat tinggi dan pada masa ini jumlah guru CFBT yang dilaporkan adalah seramai 199 orang di bawah perkhidmatan Kementerian Pendidikan. Soalan ini pernah jua dibangkitkan pada MMN tahun 2024.
- vi. **[PL67] Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub** meminta **MENTERI PEMBANGUNAN** menyatakan usaha dan perancangan Kementerian bagi mengurangkan risiko kemalangan di Lebuhraya Muara - Tutong terutama sekali persimpangan menuju ke Binturan *Camp* Tutong, memandangkan sering berlakunya kemalangan di kawasan berkenaan.
- vii. **[PL110] Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan** meminta **MENTERI PEMBANGUNAN** menyatakan langkah yang akan diambil oleh Kerajaan dalam menerapkan pendekatan '*whole of government approach*' bagi memastikan semua agensi berkaitan berfungsi secara selaras dalam isu penyelenggaraan jalan dan longkang. Adakah kerajaan mempertimbangkan untuk menyerahkan tanggungjawab penyelenggaraan kawasan tertentu kepada satu agensi khusus bagi mengelakkan pertindihan tugas, mempercepatkan tindakan, dan meningkatkan keberkesanan perkhidmatan awam secara menyeluruh.
- viii. **[PL34] Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd Salam** meminta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan langkah-langkah NDMC dalam meningkatkan masa tindak balas, koordinasi bantuan, dan pelaksanaan pelan komunikasi bencana yang lebih berkesan bagi memastikan maklumat tepat dan terkini sampai kepada orang agar persepsi negatif daripada rakyat seperti kurang komunikasi dan bantuan yang lambat dapat dihindari sepertimana jua yang terjadi semasa insiden yang berlaku baru-baru ini di Kuala Belait dan Tutong.
- ix. **[PL45] Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin** meminta **MENTERI SUMBER-SUMBER UTAMA DAN**

PELANCONGAN menyatakan langkah perubahan yang akan diperkenalkan untuk memulihkan trend pencapaian sektor pertanian, agromakanan, industri padi, perikanan, dan perhutanan ke tahap pra-COVID yang menunjukkan penurunan sejak 2021, walaupun usaha meluaskan aktiviti dan membuka kawasan baru telah dilakukan dan usaha kementerian untuk melebihi pencapaian tersebut. Ingin mengetahui langkah kementerian untuk mentransformasi amalan tradisional ke mekanisasi moden dan teknologi bagi meningkatkan hasil dalam industri ini.

- x. **[PL87] Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann** meminta **MENTERI SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN** menyatakan (a) jika ada peruntukan kewangan kepada pengusaha-pengusaha seperti Majlis Perundingan Mukim dan Kampung yang mengusahakan projek pelancongan dan kemudahan serta sokongan bagi menjayakan projek; dan (b) perancangan Kementerian bagi mengenalpasti tempat-tempat yang akan boleh projek pelancongan untuk menarik minat pelancong-pelancong luar dan dalam negeri dan memastikan ia sentiasa dinaik taraf dan diberikan pemberigaaan yang meluas.
- xi. **[PL136] Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof** meminta **MENTERI SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN** menyatakan jika Kementerian mempunyai rancangan strategi, rangka kerja dan insentif untuk menggalakkan dan meningkatkan penyertaan anak tempatan untuk berkecimpung dalam sektor pertanian dan perikanan secara komersial berskala besar yang berteknologi tinggi dan moden sehingga berpotensi menembusi pasaran global.
- xii. **[PL69] Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub** meminta **MENTERI SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN** menyatakan jika Kementerian mempunyai perancangan untuk mengongsikan butiran dan keterangan para pemaju tanah pertanian di kawasan kampung-kampung kepada Penghulu-Penghulu Mukim atau Ketua-Ketua Kampung yang berkenaan.
- xiii. **[PL36] Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd Salam** meminta **MENTERI SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN** menyatakan perancangan Kementerian mengenai keperluan hala tuju untuk melalui empat fasa sedangkan sebahagian infrastruktur untuk 'Pelancongan Pendidikan' dan 'Pelancongan Islamik' telah tersedia dan kedua-dua sektor pelancongan ini dapat

meningkatkan hasil negara dengan usaha yang minima untuk membantu mencapai pendapatan pelancongan dan peningkatan ketibaan pelancong di Brunei.

- xiv. **[PL135] Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof** meminta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jika Kementerian mempunyai program atau rancangan untuk membantu penuntut yang kurang berkemampuan dan miskin sehingga mereka dapat meneruskan pembelajaran ke peringkat akademik yang lebih tinggi. Ini juga dihasratkan untuk membolehkan mereka keluar daripada kepompong kemiskinan.
- xv. **[PL141] Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman** meminta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan tindakan Kementerian bagi menangani masalah kekurangan guru kelas pembelajaran bagi anak-anak istimewa yang hanya dapat dijalankan dua hari dalam seminggu, sama ada ditambah bilangan tenaga pengajar, menyediakan latihan tambahan untuk guru sedia ada mencari alternatif lain bagi memastikan anak-anak istimewa mendapatkan pendidikan yang mencukupi dan berkualiti.
- xvi. **[PL89] Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann** meminta **MENTERI PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI** menyatakan tindakan Kementerian untuk menangani isu pengguna jalan raya penduduk kampung di jalan Kuala Balai, Belait serta syarikat-syarikat yang terdapat di jalan tersebut yang terpaksa membuat pusingan U yang jauh jika hendak menuju ke Bandar Seri Begawan; dan (b) jika penelitian telah dibuat bagi mempertimbangkan lampu isyarat Mumong dijadikan simpang empat bagi kemudahan penduduk di jalan Kuala Balai tersebut.
- xvii. **[PL50] Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin** meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI** menyatakan (a) langkah-langkah untuk mengenal pasti 5-10 KPI yang berimpak tinggi (*do-ability assessment*) agar matlamat Wawasan 2035 dapat dicapai, memandangkan 10 tahun adalah tempoh yang singkat untuk mencapai kesemua 37 KPI dan (b) jika ada cadangan untuk memberigakan kepentingnya Pencapaian KPI ini kepada masyarakat awam bagi memastikan rakyat memahami dan merasai impaknya dalam kehidupan sehari serta turut menyumbang ke arah kejayaan Wawasan.

3. RANG UNDANG-UNDANG DAN USUL KETETAPAN KUMPULANWANG KEMAJUAN

PERINGKAT JAWATANKUASA

Perbahasan berkenaan “Rang Undang-Undang (2025) Perbekalan, 2025/2026”

DAN

“Usul Ketetapan Kumpulanwang Kemajuan yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, PSNB., SPMB., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Negara Brunei Darussalam”

- i. Kementerian Kewangan Dan Ekonomi (Tajuk SD01A Hingga Tajuk SD09A)
- ii. Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (Tajuk SE01A Hingga Tajuk SE12A)